



**PANDUAN PENCEGAHAN DAN
KAWALAN JANGKITAN COVID-19
DI PUSAT PEMULIHAN DALAM
KOMUNITI (PDK)**

KANDUNGAN

1.	Pengenalan	3
2.	Langkah-langkah yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan	3
	2.1 Sebelum Memulakan Operasi	3
	2.2 Semasa Beroperasi	5
3.	Langkah-langkah Pencegahan dan Kawalan semasa menghantar pelatih OKU di PDK	7
	3.1 Tanggungjawab penyelia, petugas PDK dan ibu bapa	7
	3.1.1 Sebelum menghantar pelatih ke PDK	7
	3.1.2 Ketibaan di PDK	8
4.	Peraturan semasa pelatih OKU berada di PDK	9
	4.1 Persekitaran Ruang PDK / Bilik / Ruang Aktiviti	9
	4.2 Pelaksanaan Pemulihan / Aktiviti	10
	4.3 Waktu Makan	12
5.	Langkah-langkah Pencegahan dan Kawalan semasa menjemput pelatih OKU dari PDK	12
	5.1 Tanggungjawab penyelia, petugas PDK dan ibu bapa	11
	5.1.1 Semasa menjemput pelatih dari PDK	12
6.	Amalan Pencegahan Jangkitan	13
	6.1 Mesyuarat dan Program Jawatankuasa/Penyelia dan petugas	13
	6.2 Tindakan Yang Perlu Dilakukan Jika Bergejala	14
	6.3 Langkah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat warga dalam PDK disahkan positif COVID-19	15
7.	Lampiran	16-18

1. PENGENALAN

Panduan pencegahan dan kawalan jangkitan COVID-19 pasca PKP adalah sebagai rujukan kepada Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dalam mengambil langkah berjaga-jaga bagi membendung penularan jangkitan COVID-19 apabila PDK beroperasi semula.

Garis panduan ini terpakai kepada semua PDK di bawah JKM dan disarankan kepada semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persendirian dan swasta yang menjalankan perkhidmatan intervensi awal dan pemulihan orang kurang upaya (OKU).

Penggunaan garis panduan ini hendaklah terpakai bersama-sama dengan arahan kerajaan dan peraturan-peraturan kerajaan yang berkaitan dari semasa ke semasa.

Sebagai langkah keselamatan tambahan, hanya PDK yang berada di Zon Hijau dan bersedia serta mematuhi SOP sahaja yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh menghadapi wabak COVID-19

2. LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIBERI PERHATIAN DAN DIAMBIL TINDAKAN OLEH PERTUBUHAN PDK

2.1 Sebelum Memulakan Operasi

2.1.1 Jawatankuasa perlu menetapkan bilangan pelatih OKU yang boleh hadir dalam satu-satu masa di PDK. Kehadiran pelatih adalah minimum 5 orang atau 35% sahaja dari jumlah keseluruhan pelatih di PDK dalam satu-satu masa. Ini berdasarkan syarat keluasan ruang lantai adalah tidak kurang dari 3.5 meter persegi bagi setiap orang pelatih. Kehadiran pelatih adalah tertakluk kepada saiz ruang dan mengambil kira penjarakkan sosial yang selamat;

2.1.2 Penggiliran waktu pembelajaran dan pengajaran adalah digalakkan bagi mengelakkan kesesakan ruang dan mengelakkan OKU berkongsi peralatan;

2.1.3 Sekiranya pengoperasian PDK dijalankan secara penggiliran, penyelia dan petugas perlu membuat jadual penggiliran bertugas mengikut nisbah 2 petugas:5 pelatih OKU;

2.1.4 Bagi PDK yang memilih penggiliran, petugas PDK boleh menjalankan pengajaran secara *online* kepada ibu bapa untuk pemulihan pelatih OKU semasa berada di rumah;

2.1.5 Jawatankuasa/penyelia/penguasa PDK hendaklah menyediakan bahan-bahan pencuci yang berkaitan secukupnya;

- 2.1.6 Lakukan langkah pembersihan dan disinfeksi (nyahkuman) secara menyeluruh di dalam dan di luar kawasan supaya berada dalam keadaan yang selamat dan bersih;
- 2.1.7 Pastikan penyelia/ petugas di PDK dalam keadaan yang sihat dan bebas COVID-19 serta bersedia untuk bertugas;
- 2.1.8 Akuan pengisytiharan kesihatan hendaklah dibuat oleh penyelia, petugas PDK, pelatih, ibu bapa atau / penjaga. Borang akuan pengisytiharan kesihatan hendaklah diisi seminggu sebelum hadir ke PDK (Lampiran 1 dan Lampiran 2);
- 2.1.9 Bagi pelatih yang memerlukan bantuan sepenuhnya (*severe disability*), seorang penjaga yang tetap perlu bersama pelatih sepanjang berada di PDK. Penjaga yang menemani pelatih perlu membuat akuan pengisytiharan kesihatan (Lampiran 2) sebelum dibenarkan memasuki premis;
- 2.1.10 Kegagalan pengisytiharan maklumat dengan benar boleh menyebabkan pelatih / keluarga tersebut tidak dibenarkan hadir memasuki kawasan PDK. Keluarga berkenaan juga boleh dilaporkan kepada pihak berkuasa; (mohon penjelasan pihak JKM berkenaan maksud kegagalan pengisytiharan dan pelaporan kepada pihak berkuasa);
- 2.1.11 Penyelia, petugas PDK dan pelatih yang pernah berkontak rapat dengan pesakit COVID-19 dalam tempoh 14 hari dari akuan pengisytiharan kesihatan dibuat, tidak

dibenarkan hadir ke PDK selama 14 hari dan perlu dikuarantin di rumah;

2.1.12 Penyelia dan petugas PDK, ibu bapa dan penjaga harus segera memaklumkan pihak PDK sekiranya mereka ataupun anak mereka pernah berkontak rapat dengan pesakit COVID-19;

2.1.13 Penyelia, petugas dan pelatih yang baru pulang dari luar negara tidak dibenarkan hadir ke PDK sehingga disahkan tamat tempoh kuarantin;

2.1.14 Panduan penggunaan pelitup separuh muka, langkah-langkah mencuci tangan dan penggunaan *hand sanitizer*, perlu ditampal di tempat yang strategik dan bersesuaian. Pelatih OKU yang tidak mampu mengendalikan sendiri pelitup separuh muka tidak dibenarkan menggunakannya. Sebaliknya petugas perlu memakai pelitup separuh muka semasa mengendalikan pelatih OKU;

2.1.15 Jawatankuasa PDK bertanggungjawab melatih penyelia dan petugas PDK berkenaan langkah-langkah kebersihan dan keselamatan di PDK. Bahan-bahan pendidikan kesihatan seperti poster, infografik dan video boleh dilayari di laman sesawang Infosihat atau Portal MyHEALTH dari KKM atau menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah terdekat, sekiranya memerlukan maklumat dan latihan lanjut. Aspek kesedaran, pendidikan dan latihan kepada penyelia dan petugas PDK:

- i. Amalan kebersihan diri yang baik.
- ii. Prosedur saringan gejala (demam, batuk, sakit tekak, sesak nafas), sejarah perjalanan ke luar negara; dan sejarah pendedahan kepada pesakit positif COVID-19/ kontak rapat, dalam tempoh 14 hari sebelum saringan gejala dilakukan;
- iii. Pengambilan suhu dengan betul. Bacaan suhu ketika demam adalah melebihi 37.5°C.
- iv. Tidak menggunakan termometer mulut. Gunakan “termometer tanpa kontak” seperti alat pengimbas suhu digital dan termometer *infrared*.
- v. Semak manual penggunaan termometer untuk memastikan cara penggunaan yang betul, julat bacaan suhu biasa, dan arahan pembersihan.
- vi. Cara membuat cairan disinfektan, disinfeksi dan pembersihan permukaan, pakaian serta peralatan (Lampiran 3).
- vii. Penyelia dan petugas yang mengendalikan pelatih atau kakitangan harus memakai pelitup separuh muka pada setiap masa;

2.1.16 Latihan kepada petugas harus merangkumi pelaksanaan aktiviti dengan pelatih, perkongsian maklumat dengan ibu bapa serta cara berinteraksi di dalam PDK berdasarkan kebiasaan baharu;

2.1.17 Memaklumkan perubahan-perubahan yang berlaku di PDK melalui telefon atau pesanan individu. Terangkan

tujuan PDK mengambil langkah-langkah ini dan peranan ibu bapa dan penjaga dalam mempersiapkan diri dan anak-anak mereka untuk perubahan tersebut.

2.2 Semasa beroperasi

2.2.1 Tidak membenarkan sesiapa masuk ke kawasan PDK, termasuk Jawatankuasa, penyelia, petugas, pelatih atau ibu bapa / penjaga, sekiranya bergejala seperti demam (suhu badan melebihi 37.5°C), selesema, batuk, sakit tekak, dan kesukaran bernafas;

2.2.2 Pengusaha / penyelia PDK digalakkan untuk mendaftar aplikasi MySejahtera (<http://mysejahtera.malaysia.gov.my/checkin>) bagi mendapatkan kod QR MySejahtera Check-In dan mempamerkan kod QR tersebut di pintu masuk PDK;

2.2.3 Setiap individu yang masuk ke premis PDK digalakkan menggunakan aplikasi MySejahtera bagi tujuan merekod kehadiran setiap hari. Mereka perlu memuat turun aplikasi MySejahtera, mengimbas kod QR MySejahtera Check-In yang dipamerkan di pintu masuk, sebelum masuk ke premis;

2.2.4 Saringan gejala kepada penyelia, petugas dan pelatih PDK hendaklah dilakukan di pintu masuk utama setiap hari sebelum masuk ke premis. Gunakan “termometer tanpa kontak” seperti alat pengimbas suhu digital dan termometer *infrared*;

2.2.5 Pelawat adalah tidak dibenarkan semasa operasi sehingga keadaan pulih sepenuhnya melainkan atas sebab kecemasan;

2.2.6 Catat bilangan pelatih dan penyelia/ petugas yang tidak sihat setiap hari untuk memantau status kesihatan pelatih dan penyelia dan petugas di PDK. Sekiranya didapati bilangan kes meningkat atau lebih dari biasa, lapor kepada Pejabat Kesihatan Daerah untuk penyasatan;

2.3 Pengambilan pelatih baharu adalah mengikut keperluan. Sekiranya ada permohonan, boleh dipertimbangkan kemasukan mengikut prosedur sedia ada tertakluk kepada kekosongan berdasarkan keperluan norma baharu, mengisi borang akuan pengisytiharan kesihatan (Lampiran 2). Sekiranya pelatih tidak sihat semasa pendaftaran, ibu bapa dinasihatkan membawa pelatih ke klinik kesihatan berdekatan untuk mendapatkan rawatan. Pelatih dibenarkan memasuki PDK selepas sembuh.

2.4 Pihak pengurusan PDK diminta mengadakan hebahan berkala setiap hari di premis bagi mengingatkan pelatih OKU mengenai kepentingan mengamalkan prinsip 3W, iaitu mencuci tangan dengan air dan sabun (*wash*), memakai pelitup separuh muka di tempat awam atau jika bergejala (*wear*) dan amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan (*warn*) termasuk mengamalkan penjarakan sosial. Sebagai tambahan, pelatih OKU juga hendaklah mengelakkan 3S atau 3C iaitu jauhi kawasan yang sesak (*crowded place*), elak kawasan yang sempit (*confined space*) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (*close conversation*) bagi mencegah jangkitan COVID-19.

3. LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DAN KAWALAN SEMASA MENGHANTAR PELATIH OKU DI PDK

3.1 Peranan penyelia/ petugas PDK dan ibu bapa:

3.1.1 Sebelum menghantar pelatih ke PDK;

- a. Memastikan pelatih adalah sihat sebelum dihantar ke PDK. Jika sebaliknya, rehatkan pelatih di rumah atau bawa ke klinik untuk pemeriksaan kesihatan.
- b. Pastikan pelatih membasuh tangan dengan air dan sabun sebelum masuk kenderaan.
- c. Penggunaan pelitup separuh muka adalah digalakkan jika menggunakan kenderaan awam. Pelatih OKU yang tidak mampu mengendalikan sendiri pelitup separuh muka tidak dibenarkan menggunakannya. Sebaliknya pemandu kenderaan awam perlu memakai pelitup separuh muka. Disarankan memakai pelitup separuh muka apabila keluar dari kenderaan.
- d. Bersihkan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh, di dalam kereta seperti tombol pintu, selusur tangan, tingkap dan tempat duduk secara berkala.

3.1.2 Ketibaan di PDK;

- a. Aturkan waktu ketibaan pelatih supaya tidak tiba serentak.
 - i. Jadualkan waktu menurunkan pelatih dalam bilangan kecil, dengan jarak waktu 5-10 minit;

b. Ibu bapa/ penjaga tidak dibenarkan memasuki kawasan PDK.

i. Hanya turunkan pelatih di pintu masuk PDK

ii. Petugas PDK akan menyambut pelatih.

*Pengecualian diberikan kepada ibu bapa / penjaga yang perlu menemani pelatih (*severe disability*) seperti

2.1.10

iii. Ibu bapa/ penjaga tidak dibenarkan berkumpul di luar kawasan PDK.

c. Pelatih dan ibu bapa/ penjaga harus tunggu di dalam kereta sehingga diberi isyarat untuk maju ke hadapan.

d. Pihak PDK perlu menyediakan *drop off point* bagi menurunkan pelatih

e. Penanda barisan berjarak sekurang-kurangnya 1 meter boleh digunakan sebagai panduan semasa menunggu giliran masuk.

f. Saringan gejala dan pemeriksaan suhu semasa ketibaan penyelia, petugas dan pelatih hendaklah dilakukan seperti berikut:

i. Saringan gejala dan pemeriksaan suhu dilakukan di pintu masuk PDK untuk setiap penyelia, petugas dan pelatih;

ii. Jadualkan penyelia dan petugas PDK untuk membuat saringan gejala di pintu masuk PDK;

- iii. Penyelia dan petugas harus mengamalkan kebersihan dan keselamatan diri sepanjang masa;
- iv. Sekiranya pelatih OKU bergejala atau suhu pelatih adalah melebihi 37.5°C, beritahu ibu bapa bahawa OKU tersebut mesti balik dan berehat di rumah;
- v. Pengambilan suhu badan hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 2 kali iaitu ketika menerima pelatih ke PDK dan ketika pelatih diserahkan semula kepada ibu bapa pada waktu balik dari PDK.

4. PERATURAN SEMASA PELATIH OKU BERADA DI PDK

4.1 Persekitaran kawasan PDK/ Bilik/ Ruang Aktiviti

- 4.1.1 Pastikan kawasan PDK/ bilik/ ruang aktiviti berada dalam keadaan yang selamat dan bersih untuk pelatih OKU dan kakitangan PDK;
- 4.1.2 Tombol pintu, kerusi meja dan tempat yang selalu disentuh oleh orang ramai perlu dibersihkan secara berkala sekurang-kurangnya dua kali sehari (tengah hari dan selepas tamat waktu operasi);
- 4.1.3 Buka tingkap dan pintu untuk membantu aliran udara. Secara amnya, elakkan penggunaan penghawa dingin sekiranya boleh kerana ia hanya mengitar semula angin di dalam bilik;

- 4.1.4 Aturkan peralatan (meja, kerusi, dan sebagainya) dalam ruangan pembelajaran/ aktiviti dengan penjarakan sekurang-kurangnya 1 meter antara satu sama lain;
- 4.1.5 Bilik aktiviti mestilah menjalani pembersihan dan disinfeksi selepas setiap sesi aktiviti. Peralatan yang telah digunakan semasa aktiviti dan permukaan yang kerap disentuh perlu didisinfeksi setiap kali selepas digunakan oleh pelatih;
- 4.1.6 Simpan dan ketepikan serta tutup rapi barangan yang tidak digunakan, rak-rak, atau ruang simpanan untuk mengurangkan sentuhan tidak sengaja bagi mengurangkan risiko pencemaran;(sebelum operasi) dan
- 4.1.7 Waktu pembersihan harus dijadualkan untuk memastikan ianya dijalankan dengan sebaik-baiknya.

4.2 Pelaksanaan Pembelajaran/Aktiviti

- 4.2.1 Tangguhkan aktiviti berkumpul;
- 4.2.2 Aturkan lebih banyak aktiviti individu di sekeliling bilik. Sekiranya boleh, asingkan peralatan pemulihan dan Alat Bantu Mengajar (ABM) di beberapa kawasan di sekeliling bilik, bukannya di atas satu rak sahaja. Elakkan aktiviti yang memerlukan perkongsian peralatan. Dalam keadaan yang tidak dapat dielakkan, peralatan hendaklah didisinfeksi sebelum digunakan oleh OKU lain;
- 4.2.3 Elakkan aktiviti yang memerlukan sentuhan seperti memegang tangan, bersalaman, “*high 5*”, dan sebagainya. Sekiranya tidak dapat dielakkan, selepas petugas

menjalankan aktiviti pemulihan yang memerlukan sentuhan terhadap seorang pelatih, hendaklah mencuci tangan sebelum beralih kepada pelatih lain;

4.2.4 Petugas PDK perlu mengajar pelatih kaedah mencuci tangan dengan betul setiap kali sebelum dan selepas sesi aktiviti bermula. Pelatih hendaklah sentiasa diingatkan untuk mencuci tangan dengan air dan sabun setiap kali menggunakan tandas;

4.2.5 Cadangan aktiviti sosial yang sesuai untuk penjarakan sosial yang selamat:

- a. Muzik, menyanyi, menari (secara solo),
- b. Bercerita
- c. Seni dan kraftangan mudah
- d. Senaman setempat, pergerakan setempat, senaman duduk
- e. Pembelajaran menggunakan komputer seperti PDKnet (1 komputer setiap seorang).

4.2.6 Elakkan aktiviti yang tidak sesuai, contohnya:

- a. Perkongsian mainan umum, bahan pengajaran dan peralatan.
- b. Berkongsi bilik terapi atau bilik mainan.
- c. Lawatan ke tempat-tempat awam.
- d. Aktiviti luar seperti taman permainan, bermain air, permainan deria, dan lain-lain.

- e. Perhimpunan awam/ majlis keraian/ mesyuarat berkumpulan.

4.3 Waktu Makan

- 4.3.1 Pelatih, penyelia dan petugas PDK perlu makan di dalam bilik / ruang masing-masing untuk mengekalkan penjarakan selamat;
- 4.3.2 Pastikan jarak kedudukan pelatih adalah sekurang-kurangnya 1 meter di antara satu sama lain. (Letakkan penanda di atas lantai berjarak 1 meter bagi memudahkan pelatih menentukan tempat untuk mereka duduk atau berdiri);
- 4.3.3 Jangan berkongsi makanan atau pun perkakas;
- 4.3.4 Sekiranya penggunaan satu lokasi tempat makan am diperlukan, contohnya ruang makan umum, maka:
 - a. Jadualkan waktu makan pelatih mengikut kumpulan agar tidak terlalu ramai pelatih berada dalam ruang makan pada satu masa.
 - b. Bersihkan permukaan (meja, kerusi) sebelum giliran kumpulan seterusnya.
 - c. Makanan yang dibungkus secara individu digalakkan. Sekiranya makanan dibungkus daripada pengusaha luar, pastikan langkah-langkah mencegah keracunan makanan diamalkan (rujukan Garis Panduan Penyediaan Makanan Bersih dan Selamat Di Kantin dan Dapur Asrama, oleh Bahagian Kualiti Kesihatan Makanan, KKM)

5. LANGKAH-LANGKAH SEMASA MENJEMPUT PELATIH DI PDK

5.1 Langkah-langkah pencegahan yang patut diambil oleh penyelia/ petugas PDK dan ibu bapa:

5.1.1 Semasa menjemput pelatih di PDK

- a. Jadualkan waktu pengambilan balik semua pelatih. Aturkan kumpulan kecil pelatih (3-5 orang) dalam satu-satu masa untuk dijemput oleh ibu bapa dengan jarak waktu 5-10 minit;
- b. Ibu bapa/ penjaga harus sampai ke PDK sejurus sebelum waktu pengambilan yang ditetapkan untuk mengurangkan waktu menunggu, dan mengelakkan perkumpulan;
- c. Sediakan ruangan menunggu untuk ibu bapa/ penjaga mengambil anak-anak mereka. Letakkan penanda jarak 1 meter sebagai panduan ketika menunggu;
- d. Memeriksa suhu setiap pelatih, penyelia dan petugas yang meninggalkan kawasan PDK;
- e. Semua penyelia, petugas dan pelatih hendaklah mencuci tangan dengan air dan sabun atau *hand sanitizer* sebelum meninggalkan PDK;
- f. Adalah digalakkan berkomunikasi melalui panggilan ataupun aplikasi telefon/ buku catatan untuk membincangkan perihal pelatih dengan ibu bapa/

penjaga di dalam kawasan PDK untuk meminimalkan perkumpulan;

- g. Pelatih dan ibu bapa harus segera mandi setelah sampai ke rumah sebelum berinteraksi dengan ahli keluarga yang lain (elakkan daripada bersentuhan atau berpelukan); dan
- h. Baju yang dipakai di PDK harus direndam dengan air sabun.

6. AMALAN PENCEGAHAN JANGKITAN

6.1 Mesyuarat Dan Latihan Jawatankuasa/ penyelia/ petugas

- 6.1.1 Kurangkan mesyuarat dan latihan Jawatankuasa, penyelia dan petugas, secara bersemuka.
- 6.1.2 Kendalikan mesyuarat secara maya ataupun sidang video sekiranya boleh.
- 6.1.3 Pilih latihan atas talian sekiranya boleh.
- 6.1.4 Untuk latihan yang perlu dan tidak dapat dikendalikan secara atas talian :
 - a. Jarakkan tempat duduk peserta latihan sekurang-kurangnya 1 meter;
 - b. Elakkan aktiviti yang memerlukan kontak fizikal; dan

- c. Jawatankuasa/ penyelia/ petugas / peserta dinasihat supaya tidak berkumpul atau bersempang secara dekat.
- d. Rujuk SOP Am Pelaksanaan Majlis Kerajaan dan Swasta, oleh Majlis Keselamatan Negara

6.2 Tindakan yang perlu dilakukan jika bergejala semasa berada di PDK:

- 6.2.1 Sediakan bilik pengasingan. Penyelia, petugas dan pelatih yang menunjukkan gejala adalah dilarang untuk berada di PDK. Jika didapati bergejala semasa berada di PDK, mereka perlu diasingkan di bilik pengasingan tersebut. Pastikan mereka yang bergejala yang ditempatkan di bilik pengasingan, sentiasa memakai pelitup separuh muka;
- 6.2.2 Penyelia, petugas dan pelatih yang dinasihat untuk mendapatkan rawatan, hendaklah mematuhi arahan. Hubungi ibubapa/penjaga untuk memaklumkan dan mengambil pelatih OKU untuk dibawa mendapatkan rawatan;
- 6.2.3 Penyelia dan petugas harus memakai alat pelindung diri seperti pelitup separuh muka, sarung tangan dan lain-lain alat pelindung diri yang bersesuaian, sekiranya mengendalikan pelatih atau kakitangan yang bergejala sementara menunggu ibu bapa / penjaga / waris. Kakitangan dan pelatih yang bergejala diarah untuk mendapatkan rawatan/ kembali ke rumah untuk rehat;
- 6.2.4 Elakkan bersalaman atau bersentuhan dengan orang lain;

6.2.5 Mengamalkan penjarakan sosial yang selamat pada setiap masa;

6.2.6 Bilik dan peralatan yang digunakan di bilik pengasingan perlu dinyahkuman selepas digunakan.

6.3 Langkah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat Ahli Jawatankuasa/ penyelia/ petugas dalam PDK disahkan positif COVID-19 adalah seperti berikut:

6.3.1 Tutup PDK serta merta;

6.3.2 Maklumkan situasi semasa kepada ibu bapa, pelatih, penyelia dan petugas;

6.3.3 Jangan mendedahkan identiti penyelia/ petugas, pelatih ataupun ibu bapa yang dijangkiti dan berkomunikasi dengan cara yang mampu mengelakkan stigma dan diskriminasi;

6.3.4 Berhubung dengan Pejabat Kesihatan Daerah berdekatan untuk mendapatkan khidmat nasihat;

6.3.5 Melakukan disinfeksi mengikut panduan KKM. Patuhi arahan pihak PKD dalam mengawal jangkitan COVID-19;

6.3.6 Penyelia dan petugas harus membersihkan dan mendisinfeksi setiap kawasan (contoh pejabat, tandas, dan ruangan am) yang digunakan oleh orang yang dijangkiti, dengan memfokuskan permukaan yang sering disentuh;

6.3.7 Sekiranya permukaan kotor, ia harus dibersihkan dengan menggunakan bahan pencuci atau air sabun sebelum disinfeksi; dan

6.3.8 PDK hanya beroperasi apabila tahap kebersihan dan keselamatan dipatuhi dan mendapat kebenaran dari Pejabat Kesihatan Daerah

Disediakan oleh:

Bahagian Pemulihan Dalam Komuniti

Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya

Diluluskan oleh

Zulkifli bin Ismail

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

Ogos 2020

LAMPIRAN 1

Borang Akuan Pengisytiharan Kesihatan Penyelia/Petugas PDK

AKUAN PENGISYTIHARAN KESIHATAN BAGI PENYELIA/PETUGAS													
Nama:													
No. K/P:		Bangsa:											
Alamat Tempat Tinggal:													
No. Tel (HP):		Email:											
Alamat Kampung Ibu/Bapa:													
No Tel Ibu/Bapa:		No. Tel Rumah:											
Tahap kesihatan dalam tempoh 14 hari lepas *Tanda (✓) untuk “Ya” ☐ Demam ☐ Sesak nafas ☐ Batuk ☐ Selsema ☐ Sakit Tekak ☐ Lain-lain, nyatakan:													
Adakah ahli keluarga lain atau sesiapa yang tinggal bersama anda semasa tempoh PKP? Nyatakan.													
Sejarah perjalanan dalam tempoh 14 hari lepas. Adakah anda pernah pergi ke: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 5px;"> <tr> <td style="width: 10%;"></td> <td>Luar negara. Jika ya, nyatakan:</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Melawat hospital atau orang sakit</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Menghadiri perhimpunan ramaimenghadiri majlis</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Menghadiri majlis keagamaan</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Menghadiri majlis keramaian</td> </tr> </table>					Luar negara. Jika ya, nyatakan:		Melawat hospital atau orang sakit		Menghadiri perhimpunan ramaimenghadiri majlis		Menghadiri majlis keagamaan		Menghadiri majlis keramaian
	Luar negara. Jika ya, nyatakan:												
	Melawat hospital atau orang sakit												
	Menghadiri perhimpunan ramaimenghadiri majlis												
	Menghadiri majlis keagamaan												
	Menghadiri majlis keramaian												
Tanda (✓) untuk “Ya”													
Adakah anda dan keluarga anda ada berkontak rapat dengan pesakit COVID-19, atau disyaki? Ya/ tidak													
Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar dan betul. Saya sesungguhnya faham sekiranya apa-apa maklumat yang saya berikan atau pengesahan ini tidak benar,tidak betul atau palsu, saya boleh dikenakan tindakan dibawah peruntukan mana-mana undang-undang.Walau bagaimanapun, borang akaun pengisytiharan kesihatan yang baru hendaklah diisi jika ada perubahan maklumat di atas selepas hari ini. Akuan ini dibuat oleh:													
No.													
K/P:													
Tandatangan:													
Tarikh:													

Borang Akuan Pengisytiharan Kesihatan Pelatih PDK Dan Ibu Bapa / Penjaga Pelatih OKU

Nama Pelatih:			No K/P:																																																															
Nama ibu:			No. Telefon: No K/P:																																																															
Nama bapa:			No. Telefon:																																																															
Alamat Tempat Tinggal:																																																																		
Alamat Kampung Ibu/Bapa:																																																																		
No Tel Ibu/Bapa:				No. Tel Rumah:																																																														
Maklumat kesihatan pelatih, ibu bapa / penjaga dan adik-beradik:																																																																		
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Bil</th> <th rowspan="2">Nama</th> <th rowspan="2">Umur</th> <th colspan="5">Tahap kesihatan dalam tempoh 14 hari lepas adalah: *Tanda (✓) untuk "Ya"</th> <th rowspan="2">Lain-lain</th> </tr> <tr> <th>Demam</th> <th>Batuk</th> <th>Selsema</th> <th>Sakit Tekak</th> <th>Sesak Nafas</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> </tbody> </table>								Bil	Nama	Umur	Tahap kesihatan dalam tempoh 14 hari lepas adalah: *Tanda (✓) untuk "Ya"					Lain-lain	Demam	Batuk	Selsema	Sakit Tekak	Sesak Nafas																																													
Bil	Nama	Umur	Tahap kesihatan dalam tempoh 14 hari lepas adalah: *Tanda (✓) untuk "Ya"								Lain-lain																																																							
			Demam	Batuk	Selsema	Sakit Tekak	Sesak Nafas																																																											
Semasa tempoh PKP, adakah pelatih OKU dan adik-beradik tinggal bersama ibu bapa? Jika tidak, sila nyatakan alamat dan hubungan penjaga bersama pelatih OKU.																																																																		
Adakah ahli keluarga lain atau sesiapa yang tinggal bersama pelatih dalam tempoh PKP?																																																																		
Sejarah perjalanan dalam tempoh 14 hari lepas. Adakah OKU pernah pergi ke: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 5%;"> </td> <td>Luar negara. Jika ya. Nyatakan:.....</td> </tr> <tr> <td> </td> <td>Melawat hospital atau orang sakit</td> </tr> <tr> <td> </td> <td>Menghadiri perhimpunan ramai</td> </tr> <tr> <td> </td> <td>Menghadiri majlis keagamaan</td> </tr> <tr> <td> </td> <td>Menghadiri majlis keramaian</td> </tr> </table>									Luar negara. Jika ya. Nyatakan:.....		Melawat hospital atau orang sakit		Menghadiri perhimpunan ramai		Menghadiri majlis keagamaan		Menghadiri majlis keramaian																																																	
	Luar negara. Jika ya. Nyatakan:.....																																																																	
	Melawat hospital atau orang sakit																																																																	
	Menghadiri perhimpunan ramai																																																																	
	Menghadiri majlis keagamaan																																																																	
	Menghadiri majlis keramaian																																																																	
Tanda (✓) untuk "Ya"																																																																		
Adakah pelatih OKU dan keluarga pernah berkontak rapat dengan pesakit COVID-19 atau disyaki?																																																																		
SayaNo. K/P..... sebagai ibu/bapa/penjaga berjanji tidak akan menghantar pelatih OKU seperti di atas ke PDK sekiranya didapati tidak sihat. Saya memahami bahawa pihak PDK berhak untuk tidak menerima anak saya sekiranya tidak berpuas hati dengan tahap kesihatan anak saya.																																																																		
Saya membuat akaun ini dengan kepercayaan bahawa semua maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar dan betul. Saya sesungguhnya faham sekiranya apa-apa maklumat yang saya berikan atau pengesahan ini tidak benar, tidak betul atau palsu, saya boleh dikenakan tindakan dibawah peruntukan mana-mana undang-undang. Walau bagaimanapun, borang akaun pengisytiharan kesihatan yang baru hendaklah diisi jika ada perubahan maklumat di atas selepas hari ini. Akaun ini dibuat oleh:																																																																		
No. K/P:																																																																		
Tandatangan:			Tarikh:																																																															

LAMPIRAN 3

Disinfeksi dan pembersihan permukaan, pakaian dan peralatan

Bahan	Tujuan	Larutan yang disarankan	Paras klorin dalam larutan
Peluntur	Membersihkan rembesan air liur, nanah dan lain-lain; di lantai dan permukaan	Campurkan satu (1) bahagian chlorox dengan 99 bahagian air paip.	0.05% atau 500 ppm
	Campuran kepada pakaian yang tercemar. Merendam mainan atau peralatan lain.	Campurkan satu (1) bahagian chlorox dengan 500 bahagian air paip.	0.01% atau 100 ppm

Nota: Larutan peluntur tidak boleh disimpan kerana kekuatan bancuhan akan berkurangan apabila telah bercampur dengan bahan organik atau setelah digunakan. Pastikan tiada bahan lain ditambah kepada bancuhan peluntur kerana ia mungkin menyebabkan tindakbalas yang tidak diingini.

Lantai:

Pastikan lantai dibersihkan setiap habis sesi. Jika pembersihan dilakukan semasa ada kanak-kanak, pastikan permukaan lantai dikeringkan bagi mengelakkan kemalangan.

Permaidani / tikar:

Peralatan ini perlu di bersihkan menggunakan alat pembersih hampagas (vacuum cleaner) secara berkala. Basuh dengan menggunakan syampu permaidani jika perlu.

Alat Permainan:

Permainan hendaklah dibersihkan dan didisinfeksi terutama jika ia digunakan oleh kanak-kanak yang suka menggigit permainan. Ia hendaklah didisinfek menggunakan larutan chlorox 0.01%. Pastikan permainan dibilas dan dikeringkan sebelum digunakan semula.

Tandas:

Bersihkan tandas setiap kali digunakan. Gunakan larutan chlorox 0.01%

SENARAI SEMAK PEMATUHAN PENCEGAHAN DAN KAWALAN JANGKITAN COVID-19 DI PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI

Sila tandakan / bagi setiap perkara yang telah lengkap diisi beserta catatan yang sesuai:

BIL	PERKARA	CATATAN	TANDAKAN
A.	SEBELUM PENGOPERASIAN		
1.	Penetapan tarikh pengoperasian Pusat		
2.	Pematuhan pencegahan dan kawalan jangkitan COvid-19		
	i. Penetapan bilangan OKU yang hadir setiap hari		
	ii. Penetapan saiz dan ruang		
	iii. Jadual penggiliran pemulihan		
	iv. Jadual penggiliran petugas		
	v. Metodologi Pembelajaran Online		
	vi. Bahan sanitasi		
	vii. Pengesahan status keperluan penjaga		
	viii. Pengistiharaan kesihatan oleh Penjaga		
	ix. Panduan penggunaan pelitup muka separuh dan langkah mencuci tangan		
	x. Penggunaan pelitup muka oleh OKU yang berkeperluan dan petugas		
3.	Permohonan pembukaan Pusat kepada JKM Negeri		
4.	Lawatan oleh PKMD, PKMJ dan Bahagian		
5.	Pembukaan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti		
B.	SEMASA PENGOPERASIAN		
1.	Mendaftar aplikasi MySejahtera		
2.	Mempamer kod QR MySejahtera Check-In		
3.	Rekod saringan gejala petugas dan OKU (Lampiran A)		
4.	Mempamer nota larangan kemasukan pelawat		

LAMPIRAN A

[illegible]